

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS MOTOR	
Rujukan Kami	30/04/2025
Nama Penawar Khidmat Kewangan	Liberty General Insurance Berhad
Nama Produk	Liberty EzyPlus Paket - Kenderaan Perdagangan - Komprehensif
Tarikh	
Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Liberty EzyPlus Paket - Kenderaan Perdagangan - Komprehensif . Pastikan anda membaca terma-terma am dan syarat-syarat yang terkandung di dalam polisi.	

Kontrak Insurans Bukan Komersial

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Polisi ini menawarkan perlindungan insurans terhadap liabiliti ke atas pihak ketiga untuk kecederaan atau kematian, kerosakan terhadap harta pihak ketiga, dan kerosakan akibat kemalangan, kebakaran ke atas kenderaan anda atau kecurian kenderaan anda.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini menawarkan perlindungan seperti di bawah:

- Kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan sendiri akibat kemalangan, kebakaran, letupan, kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian;
- Kematian dan kecederaan anggota badan pihak Ketiga;
- Kerosakan atau kerugian harta benda pihak Ketiga

Manfaat pilihan lain yang anda ingin beli dengan membayar premium tambahan:

- i) Perlindungan liabiliti penumpang / Risiko Penumpang
- ii) Liberty EzyPlus Paket - Kenderaan Perdagangan - Komprehensif : -

No	Jadual Manfaat	Liberty EzyPlus Paket – Kenderaan Perdagangan - Komprehensif		
		A / C Permit	A / C Permit	Had
		Plan A Jumlah Diinsuranskan	Plan B Jumlah Diinsuranskan	(Setiap Orang / Kejadian)
1	Kematian akibat Kemalangan (maksimum sehingga 2 orang)	RM 50,000	RM 80,000	setiap orang / setiap kemalangan / setahun
2	Hilang Keupayaan kekal (maksimum sehingga 2 orang)			
	i) Kehilangan penggunaan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	RM50,000	RM80,000	setiap orang / setiap kemalangan / setahun
	ii) Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	RM50,000	RM80,000	
	iii) Kehilangan penggunaan satu tangan dan satu kaki	RM50,000	RM80,000	
	iv) Kehilangan penglihatan satu mata dan satu tangan atau satu kaki	RM50,000	RM80,000	
	v) Kehilangan penggunaan satu kaki atau satu tangan	RM25,000	RM40,000	
	vi) Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	RM25,000	RM40,000	
3	Perbelanjaan Perubatan akibat kemalangan sehingga had (maksimum sehingga 2 orang)	RM 500	RM 1,500	setiap orang / setiap kemalangan / setahun
4	Manfaat Pendapatan Hospital akibat kemalangan (maksimum 30 hari – maksimum sehingga 2 orang)	RM 100/sehari	RM 150/sehari	Manfaat harian, maksimum 30 hari setiap orang / setiap kemalangan / setahun

5	Elaun kematian Pemandu dan / atau Pembantu akibat kemalangan yang melibatkan Kenderaan Perdagangan yang Dinamakan - (Maksimum sehingga 2 orang) (Pembayaran kepada Syarikat)		RM 2,000	RM 2,000	setiap orang / setiap kemalangan / setahun
6	<p>Perlindungan susut nilai untuk jumlah kerugian sepenuhnya / kecurian untuk kenderaan Perdagangan berusia 4 tahun dan ke bawah (Pembayaran berdasarkan perbezaan antara nilai pasaran semasa dengan Jumlah Diinsuranskan di dalam polisi pada masa penyelesaian tuntutan)</p> <p>Tidak Digunakan untuk Kenderaan Perdagangan Diinsuranskan Kurang dan pembayaran maksimum 15% dari penyelesaian Tuntutan Motor untuk Kenderaan Perdagangan Diinsuranskan Lebih.</p>	Tidak Berkaitan	Perbezaan antara nilai pasaran semasa dengan Jumlah Diinsuranskan di dalam polisi pada masa penyelesaian tuntutan		Kenderaan berumur 4 tahun dan ke bawah satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
7	Peralatan Perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang rosak dalam kemalangan atau dicuri dari kenderaan perdagangan yang dinamakan sehingga had	Tidak Berkaitan	RM 1,000		Hingga jumlah yang ditentukan satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
8	Penulisan Tanda Iklan - iklan tetap atau bahan yang membentuk struktur bahagian tetap kenderaan perdagangan yang dinamakan sehingga had	Tidak Berkaitan	RM 2,000		Hingga jumlah yang ditentukan satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
9	Elaun Kesulitan kerana Kehilangan atau kerosakan semasa mogok, rusuhan atau penguncian kenderaan perdagangan yang dinamakan.	Tidak Berkaitan	RM 2,000		Satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
10	Perlindungan bagi Penyalahgunaan Bahan Api, contoh – pengisian RON95 dan bukannya diesel sehingga had	Tidak Berkaitan	RM 1,500		Hingga jumlah yang ditentukan satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
11	Elaun ketidaksesuaian kerana Kecurian Kenderaan / Kebakaran Penuh (dibayar kepada syarikat)	Tidak Berkaitan	RM 2,000		Satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
12	Manfaat mingguan akibat kemalangan kenderaan perdagangan yang dinamakan (dibayar kepada syarikat)	Tidak Berkaitan	RM 300/ seminggu		Manfaat mingguan berjumlah RM 300, sehingga 4 minggu satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
13	Pengecualian Penambahbaikan (Betterment) (Sehingga usia kenderaan 10 tahun ke bawah)	Tidak Berkaitan	Berkaitan		Hingga jumlah yang dinyatakan mengikut polisi Kenderaan Perdagangan satu kejadian / setahun / setiap kenderaan

Nota 1: Kami akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam jadual faedah. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pengembalian semula yang diberikan dalam tempoh polisi.

Nota 2: Adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang di dalam insurans motor anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (lajari www.pidm.gov.my)

3. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan Pilihan?

Tempoh perlindungan biasanya selama Satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

4. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang perlu dibayar boleh berubah bergantung kepada kelayakan NCD serta syarat-syarat pengunderitaan syarikat kami.

5. Apakah yuran atau bayaran yang perlu dibayar?

Yuran atau bayaran yang perlu dibayar adalah:

Jenis	Jumlah
Komisyen yang dibayar kepada Ejen Insurans	10%
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

6. Apakah terma-terma serta syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Sebahagian terma-terma serta syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian adalah:

- **Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda perlu memberitahu semua fakta berkenaan keadaan fizikal kenderaan seperti sejarah kemalangan serta modifikasi ke atas keupayaan enjin.
- **Klausula Purata** diguna pakai jika kenderaan yang diinsuranskan pada jumlah kurang daripada nilai pasaran melebihi 10% pada masa kerugian. Oleh yang demikian, adalah penting anda memastikan kenderaan anda diinsuranskan pada jumlah yang berpatutan untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih nilai yang diinsuranskan.
- **Pembayaran Premium sebelum Polisi Berkuatkuasa** – Pembayaran premium haruslah dibuat sebelum polisi ini berkuatkuasa. Insurans ini akan terbatas secara automatic dan tidak sah sekiranya syarat ini tidak dipatuhi.
- **Lebihan** Adalah jumlah yang anda perlu bayar untuk tuntutan yang anda buat di kenderaan anda seperti yang dinyatakan dalam jadual polisi

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas beberapa kerugian, seperti:

- Kematian diri sendiri atau kecederaan badan akibat kemalangan motor kecuali membeli Liberty EzyPlus Paket – Kenderaan Perdagangan - Komprehensif
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat daripada keadaan semulajadi, contohnya banjir, ribut atau tanah runtuh; dan
- Segala kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kegagalan/kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dibuat, anda berhak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek untuk polisi BAHARU, walau bagaimanapun sebarang bayaran minima premium tidak boleh dikembalikan. Juga tiada bayaran balik premium jika ada sebarang tuntutan dibuat.

Tempoh Insurans	Bayaran Balik Premium
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada jumlah premium
Melebihi 8 bulan	Tiada bayaran balik premium yang dibenarkan

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu pihak kami sebarang perubahan pada maklumat anda. Ini bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Apakah perkhidmatan / faedah yang boleh saya dapatkan daripada polisi ini?

- Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam.
- Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan.
- Sekiranya berlaku tuntutan kerosakan sendiri, pombaikan perlu dilakukan di bengkel pombaikan kemalangan berdekatan yang telah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan diluluskan oleh kami.

11. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, berkenaan 'Insurans Motor' anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan atau Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi,

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan**Liberty General Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damansara,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2268 3333 atau 1 300 888 990
Emel : customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

12. Pilihan perlindungan insurans motor lain yang boleh didapati.

Pilihan perlindungan insurans motor lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Kenderaan Persendirian
- Plat Perdagangan
- Motosikal

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA KENDERaan ANDA TELAH DIINSURANSKAN DENGAN KADAR YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT OLEH ANDA. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENGEMUKAKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam Senarai Pemberitahuan ini adalah sah bermula dari 30/4/2025.